

RESEARCH

THE IMPLEMENTATION OF TAHFIZ AL-QURAN TEACHING METHODS
IN SOUTHERN THAILAND: A COMPARATIVE STUDYAhmadzakee Mahama¹, Muhaamad Kosee Kaso², Abdulkareem Samaeng³¹Faculty of Education, Fatoni University²Faculty of Islamic Studies and Law, Fatoni University³Faculty of Islamic Studies and Law, Fatoni University

ABSTRACT

This research aims to explore and analyze the development history of Quran memorization methods, focusing on the techniques employed by teachers. It particularly examines how these methods are implemented in schools in the southern border provinces of Thailand, choosing six schools as case studies: Tahfiz Markaz, Yala, Darussalam School, Narathiwat, Islamiyah School, Yala, Salihuddin Chana School, Songkhla, Quran and Kalamullah School, Pattani, and Bamrung Islam School, Pattani. The study encompasses interviews and questionnaires, coupled with document analysis, involving 180 participants, including school administrators, teachers, students, and their parents. The primary goal is to understand the varied approaches to Quran memorization across these schools and their potential integration into school curricula. The research method includes analyzing student recitations of the Quran and employing SPSS software (version 17.0) for statistical analysis, aiming to discern differences among the six schools.

The study results on the use of Quran memorization principles, and the t-test results for memorizing 5 Juz, 10 Juz, 20 Juz, and 30 Juz, showed statistically significant differences at the $P < 0.05$ level. From studying all 6 schools, it was found that the most effective and efficient memorization principle was that of Tahfiz Markas Yala School. The differences between the 6 schools are noteworthy to ensure continued improvement in quality and efficiency of the Quran memorization.

Keywords: Hafazan, Kaedah, Al-Quran

RESEARCH

PELAKSANAAN PENGAJARAN KAEDAH TAHFIZ AL-QURAN DI SELATAN THAI: KAJIAN PERBANDINGAN

Ahmadzakee mahama¹, Muhaamadkosee Kaso²,. Abdulkareem Samaeng³

¹Fakulti pendidikan Universiti Fatoni

²Fakulti Islam dan Undang Universiti Fatoni

³Fakulti Islam dan Undang Universiti Fatoni

ABSTRACT

Tajuk kajian Pelaksanaan pengajaran kaedah tahfiz al-Quran di Selatan Thai: Kajian perbandingan. Kajian ini dilakukan ke atas enam buah Madrasah tahfiz yang telah dipilih iaitu: Madrasah Tahfiz al-Nur Markaz Yala, Madrasah Darussalam Tanjungmat Naratiwat, Madrasah Islahiah Yala, Madrasah Solihuddin Canak Songkla, Madrasah al-Quran dan Kalamullah Pattani dan Madrasah Arrahmaniah Barao Pattani. Pelajar 180 orang. Pentadbir Madrasah, para guru dan waly Amry.

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perbezaan dalam kemampuan dan urusan yang di lakukan oleh Madrasah. Juga dalam kajian ini bertujuan untuk melihat kaedah manakah yang lebih berkesan untuk diamalkan dalam proses penghafalan al-Quran. Dimulai dengan sejarah Madrasah, perkembangan Madrasah. Penulis telah menemukan beberapa Madrasah hafalan al-Quran dengan beberapa tahun dan dapat mengenalkan berbagai kaedah hafalan yang terdapatnya. Penulis memilih enam buah Madrasah dan enam kaedah ini bagi membuktikan bahawa ada perbizaan. Bagi menganalisa perbandingan di antara enam kaedah dengan melakukan soal selidik temu bual dan ada ujian hafalan al-Quran dengan para pelajar. Data-data yang diperolehi menggunakan program SPSS versi 17.0 (Statistical Package For Sosial Science) dan juga dianalisis dengan menggunakan statistic deskriptif dan inferensi. Ujian-t digunakan untuk melihatperbizaan di antara enam kaedah. Dan mencari jawapan kepada empat hipotesis yang diketengahkan dalam kajian ini. Secara kesuluruhannya dalam kajian terdapat perbizaan kemampuan kaedah hafalan al-Quran yang digunakan dalam mengingat ayat-ayat al-Quran apa yang dihafalkan. Hasil ujian-t bahagian hafalan al-Quran 5 juzuk,10 juzuk,20 juzuk dan 30 juzuk dapat menunjukkan bahawa terdapat perbizaan yang signifikan pada aras keertian $p < 0.05$ di antara pelajar enam kaedah. Kaedah ini menolak hipotesis yang mengandaikantidak perbizaan yang aras keertain $p < 0.05$ di antara pelajar enam Madrasah. Dan membuktikan bahawa kaedah Madrasah Tahfiz al-Nur Markaz Yala adalah terlebih berkesan untuk diamalkan dalam proses penghafalan al-Quran. perbizaan antara enam kaedah perlu diperhatikan bagi menghasilkan kabaikkan hafalan yang lebih berqualiti dan dapat berkesan.

Kata Kunci :, Hafazan, Kaedah, Al-Quran.



PENDAHULUAN: Al-Quran adalah sebuah kitab yang diwahyukan oleh Allah kepada Nabi Muhammad ﷺ sebagai satu mu'jizat yang terakhir yang mengandung isi yang cukup sempurna sebagai hidayah dan pengajaran seluruh manusia untuk menjadi rujukan hidup di dunia dan di akhirat Ia mengandung sebanyak 6,236 ayat yang terhimpun dalam 30 juzuk yang perlu bagi umat Islam untuk dibaca, difaham dan dihafal. Sejarah pembelajaran al-Quran secara hafalan bermula sejak turunnya ayat pertama kepada Nabi Muhammad ﷺ iaitu Allah ﷻ berfirman :

﴿ أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ ﴾

Maksudnya: Bacalah dengan (menyebut) nama tuhanmu yang menciptakan Dia telah menciptakan manusia dari seketul darah bacakanlah dan dengan Tuhanmulah yang maha pemurah, yang mengajar dengan perantaraan galam(pena).dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.

(al-Alaq,96, hlm: 1-5)

Sebagaimana dimaklumkan bahawa baginda adalah seorang Nabi yang ummie' (buta huruf), yakni tidak pandai menulis dan membaca. Dalam keadaan yang dimakian Nabi Muhammad ﷺ menerima al-Quran dari Malaikat Jibril dan seterusnya menyampaikan kepada para sahabat menerusi hafalan.

Seterusnya Rasulullah ﷺ turut mempraktikkan kaedah hafalan ketika mengajar al-Quran kepada para sahabatnya sehinggalah hafazan menjadi satu kaedah atau manhaj yang amat penting dalam pembelajaran al-Quran, Hafalan terhadap al-Quran telah membantu dan memudahkan Rasulullah ﷺ untuk mengajar para sahabat tentang isi kandungan ayat-ayat suci al-Quran yang menjadi pedoman bagi matlumat kehidupan manusia sebagai hamba dan khalifahnyanya di atas muka bumi ini. Rasulullah ﷺ mengajar al-Quran kepada para sahabat dahulu kemudian memperdengarkan bacaannya diikuti oleh sahabat-sahabat sebelum menghafalnya. Selain dari itu Baginda juga menyuruh beberapa orang sahabatnya yang pandai menulis agar menulis ayat-ayat suci al-Quran yang hendak dihafal di atas kepingan batu-batu, tulang-tulang dan pelepah tamar. Pendekatan pengajaran al-Quran yang diamalkan oleh Rasulullah ﷺ ialah secara musyafahah dan taqlidi iaitu dengan membaca antara dua hingga sepuluh ayat berdasarkan ayat-ayat yang diturunkan. (Ismail Awang,1987, hlm,202).

Rasulullah ﷺ bersabda:

﴿ عَنْ عَثْمَانَ بْنِ عَفَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ ﴾ (صحيح البخاري: 5027,6,192)

Maksudnya: Dari Usman رضي الله عنه dari Nabi ﷺ Sebaik-baik Kamu
adalah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya.

Tesis ini mengkaji tentang pelaksanaan pengajian kaedah tahfiz al-Quran di Selatan Thai : kajian perbandingan di antara enam kaedah Madrasah tahfiz iaitu: Madrasah Tahfiz al-Nur Markaz Yala, Madrasah Darussalam Tanjungmat Naratiwat, Madrasah Islahiah Yala, Madrasah Solihuddin Canak Songkla, Madrasah al-Quran dan Kalamullah Pattani dan Madrasah Arrahmaniah Barao Pattani. Penulis cuba melihat kaedah manakah yang lebih praktikal untuk diamalkan dalam proses perhafalan al-Quran di antara enam kaedah yang tersebut

Latar Belakang Kajian: Al-Quran adalah merupakan wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ dan sebagai satu Mukjizat yang menandakan kenabian para rasul. Sebagai Kitab al-Quran mengandungi 6,236 ayat dia bukan hanya dibaca, difaham, diamal sahaja bahkan ia digalakkan umat Islam menghafal. Menghafal al-Quran adalah satu ibadah sebagaimana sejarah permulaan yang diajarkan oleh Nabi Muhammad ﷺ kepada para sahabat. Al-Quran juga Allah berjanji akan jaga sehingga hari kiamat. Firman Allah ﻋَﻠَﻴْﻪَ

﴿ إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ٩ ﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah Yang Menurunkan
akan al-Quran sesungguhnya Kami memeliharanya.

(al-Hijr,15,9)

Kalau memperhatikan di akhir zaman ini, didapati ummat Islam tidak mengamati menghafal al-Quran. Oleh itu menghafal al-Quran adalah satu tanda yang amat penting dalam usaha mempertahankan kesucian ummat Islam kerana al-Quran merupakan panduan utama umat Islam dalam segenap hal. Sebab itulah kelebihan menghafaz al-Quran itu sungguh besar sekali dan tidak dapat ditandingi oleh mana-mana Ilmu di dunia. Ini terbukti melalui sepotong Hadis Nabi ﷺ bersabda :

﴿ وَاسْتَظْهَرَهُ الْقُرْآنَ قَرَأَ مَنْ : وَسَلَّمَ عَلَيْهِ اللَّهُ صَلَّى اللَّهُ رَسُولُ قَالَ قَالَ ، طَالِبِ أَبِي بِنِ عَلِيٍّ عَنْ
النَّارِ لَهُ وَجَبَتْ كُلُّهُمْ بَيْنَهُ أَهْلٍ مِنْ عَشْرَةٍ فِي وَشَقَّعَهُ الْجَنَّةَ بِهِ اللَّهُ أَذْخَلَهُ حَرَامُهُ وَحَرَّمَ حَلَالَهُ فَأَحَلَّ ﴾

Maksudnya: Daripada Saidina Ali bin Abi Talib, beliau pernah berkata,
bahawa Rasulullah ﷺ pernah bersabda, Siapa yang membaca al- Quran,
lalu menghafalnya dan menghalalkan apa-apa yang halal di dalamnya

dan mengharamkan apa-apa yang diharamkan di dalamnya akan dimasukkan ke dalam syurga oleh Allah ﷻ dan akan menerima syafaatnya yang diberikan kepadanya sepuluh daripada ahli keluarganya, biarpun semua mereka telah wajib memasuki neraka. (Sunan at-Turmuzi, 1999, Jld 5, hlm:19)

Dalam permulaan zaman nabi Muhammad ﷺ dan para Sahabat sebagai cunh permulaan menghafal al-Quran. Dia adalah satu peoses pemeliharaan al-Quran. Bagi cara menghafal ayat-ayat al-Quran bukan satu perkara yang mudah dia adalah satu mukjizat juga satu kelebihan, Dengan dimakian ini penghafal al-Quran pesti memerlukan kepada bentuk dan cara yang cukup tinggi dalam menghadap segala rentangan dan ujian dari Allah ﷻ dalam mengcapaika sebagai seorang Hafiz.

Pada masa sekarang banyak terdapat Madrasah-madrasah dan Maktab Tahfiz al-Quran ditubuhkan oleh Madrasah Swasta bahkan berlumba-lumba untuk melahirkan jenerasi para hafiz ada yang berjaya dan ada yang tidak berjaya sepenuhnya. Juga pihak ibu bapa mengharapakan harapan yang tinggi agar anak-anak merika dapat berjaya menghafal al-Quran dengan cepat dan lancarya. Dalam hal dimakian ada yang tidak Berjaya. Dalam tesis ini penulis akan mengkaji dan melihat dari permasalahan beberapa buah Madrasah dan Maktab Tahfiz al-Quran yang terpilih dan mengguna kaedah yang terbaik diguna cara bagi melahir para hafiz mengingati hafalan mereka. Dengan melihat apakah perbizaan dalam kemampuan di antara Madrasah dan Maktab Tahfiz al-Quran tersebut penulis berharap serta meyakini dapat menyelesaikan beberapa masaalah dalam mengingati hafalan al-Quran dan melahirkan seorang hafiz yang berkewibawaan dalam mengingati hafalan al-Quran.

Objektif Kajian: Dalam kajian ini Pengkaji akan mengenal kaedah manakah yang terlebih baik supaya dapat diamalkan dalam mengguna perjalanan hafalan al-Quran dapat menggunakan seperti berikut :-

1. Untuk mengkaji sejarah perkembangan dan ilmu hafalan al-Quran di Madrasah Selatan Thai.
2. Untuk memperkenalkan Kaedah- kaedah hafalan al-Quran yang terdapat di Selatan Thai.
3. Untuk mengkaji perbezaan kemampuan mengingatti kaedah hafalan al-Quran di Madrasah-madrasah Selatan Thai.
4. Untuk mengkaji metodologi hafalan al-Quran menurut kaedah yang terdapat di Madrasah-madrasah Selatan Thai.

Pernyataan Masaalah Kajian: Dalam kajian ini penulis melihat kepada individu dan masharakat Islam sekarang untuk menjadi seorang hafiz al-Quran dengan menumbuhkan tempat pengajian dan Madrasah Tahfiz. Dimakian itu dikalangan tempat dan sekolah

pengajian membawa metode dan cara masing-masing dalam menggunakan kaedah kepada para pelajar menghafal al-Quran. Dalam masa

yang sama permasalahan yang dihadapi tujuan untuk mendapat mengingat hafalan al-Quran. Kajian ini penulis akan mengkaji dan melihat kaedah manakah yang terlebih baik untuk diguna dan melahirkan para pelajar sebagai hafiz yang benar-benar mantap dan tepat dalam hafalannya. Dari masalah inilah membawa kepada para hafiz belunggu dan teragu dalam hafalan walaupun telah menghafal al-Quran sempurna tetapi masih lagi terdapat kemahan. Terdapat sedikit sahaja yang mantap dan lancar apabila menjadi seorang Imam solat 30 juzuk al-Quran. (Temu bual seorang guru Madrasah Tahfiz Markaz Yala Ustaz Ahmad Muhammad Taib Jabat. (5 Oct 2564).

Persoalan Kajian: Dalam hurain di atas maka pengkaji dapat merumuskan dalam beberapa soalan yang menjadi topik pertama di dalam perbincangan kajian secara ilmiah akan tertumpu kepada persoalan-persoalan berikut:

1. Bagaimanakah sejarah perkembangan ilmu tahfiz al-Quran di Madrasah-madrasah di Selatan Thai.
2. Apakah kaedah-kaedah yang digunakan dalam penghafalan al- Quran di Madrasah-madrasah tahfiz al-Quran di Selatan Thai.
3. Apakah peranan yang dimaikan oleh guru-guru al-Quran dalam penghafalan al-Quran di Madrasah-madrasah tahfiz al- Quran di Selatan Thai.
4. Adakah ada perbezaan kemampuan untuk mengingat hafalan al-Quran menurut kaedah Madrasah di Selatan Thai berdasarkan hafalan 5 juzuk, 10 juzuk, 15 juzuk, 20 juzuk, dan 30 juzuk. al-Quran serta kaedah mana yang lebih diamalkan.

Faedah Kajian: Al-Quran adalah kitab suci Allah sebagai panduan umat tajuk yang pengkaji pilih untuk mengkaji ialah untuk mendapatkan cara dan kaedah hafalan al-Quran yang akan dikajikan di Selatan Thai empat wilayah iaitu: Yala, Pattani, Narathiwat dan Songkhla.

Dalam jangka kajian ini akan dapat seperti berikut:

1. Dapat memahami cara hafalan yang tepat
2. Dapat mengguna kaedah hafalan sebagai bantuan dalam hafalan
3. Dalam kajian ini dapat diberi perhatian terutama kepada pihak yang berkaitan dengan secara langsung dalam mendidik pelajar yang berada di Madrasah.
4. Hasil kajian ini diharapkan dapat membolehkan pihak yang berkenaan mengenal kemampuan hafalan al-Quran para pelajar secara tepat. Dan dapat mengesan kelemahan para pelajar. Melalui maklumat yang diperolehi pihak Madrasah boleh melihat kaedah sebenar yang berlaku di Madrasah masing-masing dan merancang kaedah yang terbaik dalam menghafalkan al-Quran.

Skop Kajian: Maksud Skop kajian ini ialah batasan kajian yang bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dari masalah bagi memudahkan sesuatu kajian dibuat dengan skop yang lebih kecil tetapi bersifat mendalam. Skop kajian ini akan menerangkan tentang tempat kajian, Madrasah kajian, Pungurus Madrasah, guru yang bertugas mengajar tahfiz al-Quran, pelajar dan wali amry pelajar yang berkaitan dengan Madrasah kajian dan bahan-bahan yang digunakan untuk menjalankan kajian

Tempat Kajian: Kajian ini akan dilakukan di Selatan Thai. Penulis telah memilih enam buah iaitu: Madrasah Tahfiz al-Nur Markaz Yala, Madrasah Darussalam tanjungmat Naratiwat, Madrasah Islahiah Yala, Madrasah Solihuddin Canak Songkla, Madrasah al-Quran dan Kalamullah Pattani dan Madrasah Arrahmaniah Barao Pattani. Madrasah tahfiz yang berada di Selatan Thai yang merupakan Sekolah yang termashhur di semenajung Thailand. Walaupun penulis memilih hanya enam buah Madrasah Swasta yang di tubuhkan sebagai Tahfiz al-Quran di Selatan Thai dengan secara umumnya. Ia memberi berkesan yang besar dalam pandangan penghafalan al-Quran. Ini disebabkan Madrasah Tahfiz yang dipilih oleh penulis adalah mewakili di seluruh Selatan Thai.

Metodologi Kajian: Metodologi berarti ilmu tentang cara mengadakan penilain atau kajian metodologi adalah jalan dan petunjuk kepada pengkaji dalam memenuhi sesuatu objek yang menjadi sasaran kajian, ia merupakan suatu yang mesti diikuti demi mendapat sesuatu penyelidikan kualiti yang tinggi di dalam penyelidikan yang dijalankan (Muhamad Majid kuntung, 1990, Kaedah penyelidikan pendidikan kuala Lumpu, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm : 80).

Untuk memperulih data-data dan maklumat yang benar yang boleh di percayai dalam kajian, pengkaji melakukan penyelidikan yang mengguna metodologi kajian yang merangkumi dua metod asas; Metod pengumpulan data dan metod penganalisisan data.

1. Metode Penentuan Subjek

Dalam menentukan subjek penyelidikan pengkaji akan menggunakan metode sampling iaitu tempat kajian, Madrasah kajian, pungurus Madrasah, guru yang bertugas mengajar tahfiz al-Quran, pelajar dan wali amri pelajar yang berkaitan dengan Madrasah kajian dan bahan-bahan yang digunakan untuk menjalankan kajian.

2. Metodologi Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data ini merupakan satu cara untuk mendapatkan data dan fakta tentang sesuatu objek daripada sabjek yang dikaji, Di dalam mendapatkan data-data dan fakta-fakta tersebut penkaji telah menggunakan dua metode kajian iaitu; pertama; metode kajian perpustakaan dan kedua; metode kajian lapangan. Kedua dua pendekatan ini adalah sangat penting untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang berkaitan dengan objektep kajian.

3. Metode Kajian Perpustakaan.

Dalam waktu yang sama, pengkaji akan menggunakan kajian perpustakaan bagi mencari bahan-bahan bertulis berbentuk fakta dan sebagainya seperti sejarah, dokumentasi seperti kitab al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama, buku-buku, jurnal dan majalah.

4. Metode Lapangan.

Metode lapangan ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang tidak terdapat dalam fakta bertulis. Dengan ini pengkaji akan menghasilkan maklumat yang terperinci kutipan dan sebagainya. Bagi mencapai segala maklumat tersebut dan kajian termutu pengkaji memilih metode kajian.

5. Metode Temu bual (Interview).

Metode temu bual merupakan cara untuk mendapatkan keterangan dan pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan bercakap dan berhadapan muka dengan responden mengikut apa tercatat dengan seseorang yang berkenaan bagi menambah maklumat dalam kajian serta untuk mendapatkan beberapa pandangan yang berkaitan dengan kajian serta dapat membantu lagi kepada penulis dalam membuat laporan yang tepat.

6. Metode Soal Selidik

Metode soal selidik ini dilakukan dengan cara mengidarkan soalan kaji selidik yang mengandungi soal-soal yang sesuai dengan tajuk yang dikaji kepada guru yang mengajar tahfiz disekitar subjek kajian. Ini merupakan kaedah untuk mendapatkan maklumat secara langsung. Dengan mengidarkan borangkaji selidik yang dibuat sendiri oleh pengkaji melalui perbincangan dengan penyelia dan pakar penyelidikan soalan kajian untuk pentadbir Madrasah, para guru, waly Amri dan para pelajar di Madrasah sebagai responden yang mewakili subjek kajian untuk mengetahui perbizaan kemampuan mengingat hafalan al-Quran.

7. Metode Analisis Data

Data-data dan segala maklumat yang telah dikumpul akan dianalisis dan menganalisis data-data yang diperolehi melalui metode-metode pemumpulan data diatas. Pengkaji menggunakan beberapa metode penganalisis yang berikut;

8. Metode Lnduktif

Melalui metode ini pengkaji meanalisis data melalui keadaan-keadaan beberapa data yang bersifat khusus untuk sampai kepada kesimpulan yang umum. Contuhnya di dalam kajian ini pengkaji menggunakan metode induktif di dalam meninjau pengamalan teknik hafalan di Madrasah Tahfiz al-Quran di Selatan Thai.

9. Metode Deduktif

Melalui metode ini pengkaji menganalisis data berlandaskan kepada bukti umum terhadap keadaan-keadaan yang khusus. Di dalam kajian ini pengkaji melihat reaksi pelajar terhadap metodologi-metodologi yang digunakan oleh para guru di dalam pengajaran.

10. Metode Komparatif

Metode ini merupakan instrument bagi menghasilkan kajian perbandingan yang diperolehi semasa melakukan kajian. Pengkaji menggunakan metode membuat kesimpulan dan perbandingan antara sekolah di Selatan Thai.

Data-data yang dikumpul melalui soalan-soalan kaji dan temu bual selidek Pengurus Madrasah, Guru-guru, Pelajar-pelajar dan waly Amri Pelajar juga akan dibuat secara perbandingan dan satu kesimpulan akan dicapai melalui analisis yang dilakukan. Pengkaji percaya akan menghasilkan natijah-natijah yang baik lagi bulih dapat panduan kepada Madrasah-madrasah yang lain.

Kerangka Konsep: Kerangka konsep kajian ini memberi gambaran yang jelas tentang penulis akan membahagikan kepada Lima bab. Dari apa yang telah dijelaskan supaya dapat matlumat yang cukup dan jelas. Contoh dari Nabi Muhammad ﷺ. Para Shahabat, Para Tabie, Para Tabie tabie dan Para guru yang mengikut apa yang di rangkakan kaedah-kaedah tertentu mengikut kemudahan dan cara pelaksanaan. Kerangka yang akan ditetapkan.

Penutup

Setelah kajian ini dilakukan penulis telah menjawab dalam semua masaaalah kajian yang dikemukakan. Dimakian masaaalah kajian yang tersebut membuktikan dalam sejarah Madrasah hafalan al-Quran, metode-metode hafalan di Thailand umumnya dan di Selatan Thai khususnya. Kaedah hafalan al-Quran di Madrasah Tahfiz al-Nur Markaz Yala, Madrasah Darussalam Tanjungmat Naratiwat, Madrasah Islahiah Yala, Madrasah Solihuddin Canak Songkla, Madrasah al-Quran dan Kalamullah Pattani dan Madrasah Arrahmaniah Barao Pattani.

Dalam kajian ini penulis menuju kepada ummat Islam agar dapat berusha dan menambah ilmu lagi disetiap bidang tertentu ilmu al-Quran dan ilmu kaedah hafalan al-Quran

Buku Rujukan

Rujukan

- Ab Rahman, A., Sukari, A., Nozlan, N. N., Zakaria, M. A., & Shakor, M. F. A. (2020). Dasar Pemerkasaan Institusi Tahfiz Di Malaysia. e-ISBN: 978-967-440-859-6
- Abd Hamid, M. H., Isa, A. A. M., & Ishak, H. (2021). Faktor pembelajaran tahfiz program huffaz profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): Implementaton of learning tahfiz program of professional huffaz at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 596-605.
- Abdul Hafiz Haji Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat @ Darawi. 2005. Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Qur'an yang efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu. Projek Penyelidikan. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah, A. H., & Abdul Rahman, N. (2010, October 4). Kaedah Hafazan al-Quran sistem turki: Kajian di Tahfiz al-Quran darul tuba. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. Retrieved November 29, 2022, from <http://eprints.utm.my/id/eprint/10459/>
- Ashraf Ismail. 2018. Amalan pengajaran pensyarah tahfiz di maahad tahfiz al-Quran kelolaan JAKIM. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil Hashim (2010). Penilaian perlaksanaan kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-Quran Negeri Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
- Azmil Hashim, Ab.Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2013. Latar Belakang guru tahfiz dan amalan teknik pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 1(1): 28-39.
- Mustaffa, M. (2010). Hafazan al-Quran dan hubungannya dengan kecemerlangan pelajar: kajian di Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat Pulai Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007/Muhaidi Hj. Mustaffa (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Scribd. (n.d.). Hafazan Sekolah Rendah. Scribd. Retrieved November 29, 2022, from <https://www.scribd.com/doc/272338906/hafazan-sekolah-rendah>
- Sedek bin Ariffin, Sabri bin Mohamad, Shaharuddin bin Saad, Mohd Zaini bin Zakaria, Nik Md Saiful Azizi bin Nik Abdullah, Mohd Sa'di bin Md Said, Riswadi bin Azmi. (2016). Keunikan Metodologi Hafazan Al-Quran Deobandy Dari India.
- Sedek Bin Ariffin. (2011). Keunikan Metode-Metode Hafazan Al-Quran Di Dunia : Suatu Tinjauan Terhadap Kaedah Di Malaysia, India, Pakistan, Arab Saudi, Indonesia, Dan Turki.
- Yahaya, M., Rasheed, Z. N., & Selamat, A. F. (2018). Isu dalam pendidikan tahfiz: Satu analisis. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor.

Yahaya, M., Rasheed, Z. N., & Selamat, A. F. (2018). Isu dalam pendidikan tahfiz: Satu Analisis. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, Selangor. Yusof, N. H. (2020). Kaedah pintar murajaah al-quran: kajian di institusi pengajian tahfiz Malaysia. *Tamaddun: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*, 21(2), 219-230.

Zakaria, F.I., Noh, M.A., & Razak, K.A. (2018). Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz Di Institusi Tahfiz Swasta (Tahfiz Students' Learning Practices in Private Tahfiz Institutions). *Jurnal Pendidikan Malaysia*.

Tesis

Abdulhafiz bin haji Abdullah dan kawan 2.(2005). **System pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran yang efektif : satu kajian di kuala lumpur dan terangganu.** University teknologi Malaysia.

Abdul Hafiz, A., & Norhanan, A.R.(2010). **Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki**

Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan kawan2.(2021). **Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum,** University, Kota Bharu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ariffin, A. (2012). **Islamic Education: A Contrastive Analysis of Ibn S n's and Al- Ghazali's views.** *Journal of Islam in Asia*. Retrieved from :

Azmil bin Hashim & Misnan Jemali.(2013). **Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Tahfiz Dengan Pencapaian Hafazan al-Quran: Kajian di Zon Tengah.** Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim, Perak.

Abd Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir@Tahir.(2014). **Amalan Kaedah Hafazan al-Quran di Darul Quran.** Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim Perak.

Nor Musliza Mustafa, Mokmin Basri, (2014), **Perbandingan kaedah hafazan al-Quran traditioanal dan moden : satu kajian awal,** Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Raihan Mohd Arifin,(2016), **pelaksanaan iklim dini dan hubungannya dengan peristasi sekolah sekolah kebangsaan di daerah pekan Pahang,** tesis starat memperoleh serjana Pendidikan Islam di Fakulti pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin, Terangganu.

Sedek bin Arifin. (2011). **Kaedah menghafal al-Quran di institusi tahfiz al-Quran di Malaysia :** kajian perbandingan di antara kaedah Darul Quran, Jakim dengankaedah alHufaz. Jabatan al-Quran dan al-Hadith akademi pengajian IslamUniversiti Malaya Kuala Lumpur.

Laman Internet

<http://www.islam.gov.my/en/buku-kaedah-hafazan-al-quran>

<http://www.iqt.terengganu.gov.my/>

<http://www.darulquran.gov.my/>

Al-Amin. (2020) <http://www.al-amin.edu.my>. Diakses Januari 21.

<http://blackfiles.mywapblog.com/sejarah-islam-di-thailand.shtml>

[http:// www.slideshare.net/nikazehar/kaedah](http://www.slideshare.net/nikazehar/kaedah) dan teknik pengajaran tilawah al-Quran [8 Ogos 2018.

<https://www.merdeka.com/jabar/8-cara-cepat-menghafal-al-quran-bagi-pemula-mudan-dan-efektif-klm.html>, 12 Jun 2022.

Temu Bual

1. Pengurus Madrasah
2. Guru
3. Pelajar
4. Waly amry